

Sokongan Bank Rakyat kepada *Sinar Harian*

(10900 2022) Sinar Harian, PH

KUALA LUMPUR - Bank Rakyat bekerjasama dengan *Sinar Harian* dalam menjayakan program Fun Walk Sinar Harian 16 yang berlangsung di Dataran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada Ahad.

Ketua Pegawai Pemasaran dan Komunikasi Bank Rakyat, Nizam Sani berkata, program berkenaan bukan sahaja mendapat sambutan yang memberangsangkan, malah dilakukan pada masa yang sesuai selepas dua tahun negara dicengkam pandemik Covid-19.

“Sejak kita dibenarkan anjur program besar seperti ini, ia sesuai dalam memupuk semangat kesukanan.

“Ini adalah sesuatu yang ramai orang dah buat dan *Sinar Harian* antara media pertama menganjurkan program seperti ini. Saya rasa ia satu inisiatif yang bagus,” katanya.



NIZAM

Jelas Nizam, Bank Rakyat sentiasa menyokong inisiatif yang dibawa media tempatan termasuk *Sinar Harian*.

“Bank Rakyat adalah sebuah organisasi yang mementingkan kerjasama dan penglibatan media.

“Saya rasa ini adalah bu- daya sihat yang kita cuba pupuk pada masa sekarang.

“Program ini berjaya me- ngumpulkan ribuan peserta untuk lari bersama-sama, itu

sudah cukup bagus,” ujarnya

Tambahnya, program besar seperti Fun Walk Sinar Harian 16 boleh dilaksanakan dengan skop yang lebih baik.

“Jadi laluan yang kita ada lima kilometer (km) ini boleh jadi 10km.

“Untuk aktiviti seperti itu, kita sangat menyokong dan saya sendiri pun ser- tainya serta harap program ini diteruskan pada masa akan datang,” jelasnya.